سجاره فيلسافت دان كلم اسلام

SEJARAH FILSAFAT DAN KALAM ISLAMIYYAH

History of Islamic Philosophy and Kalam

PERINTAH SUJUD MALAIKAT DAN JIN KEPADA RASUL ADAM A.S.

Sejarah ringkas teologi dan filsafat Islam, ia bermula daripada Nabi Ibrahim dan dua anaknya Nabil Ismail dan Nabi Ishak, Nabi Ismail ditinggalkan di Arab, Ishak pula menetap bersama Sarah di Tanah Jerusalem.

Dalam masa sama, utusan bernama Zarathustra memperkenalkan Monotheism berasaskan cahaya dan kegelapan, yang tidak jauh beza dengan Abrahamik.

Zarathustra menjadi jambatan antara Abrahamik dan Dharmik, memiliki persamaan kosmologi dan ada perbezaan sedikit dengan istilah dan fungsi

masing-masing, keturunan Nabi Ishak diturunkan melalui Yaakub bersama 12 anaknya, Nabi Yaakub dan Nabi Yusuf tinggal di Mesir sehingga ke melahirkan Nabi Musa melalui haluan keturunan Nabi Lahi.

Nabi Musa diberi wahyu untuk membebaskan Yahudi daripada perhambaan Fir'aun, dan melarikan diri ke tanah

Jerusalem namun hayat telah sampai, sebahagian Yahudi sesat selama 40 tahun, ada yang selamat kembali Yahudi di Jerusalem. Kemudian Yahudi memiliki dua mazhab antara Pharisees dan Sadducces, yang perbezaan Pharisee meyakini adanya hari akhirat, manakala satu lagi tiada kehidupan selepas mati.

Pharisees induknya merupakan banduan yang dibebaskan oleh Raja Kurosh yang Agung dari Empayar Parsi Arkhameniyyah yang berakidah Majusi daripada utusan Zarathustra yang menyembah Tuhan yang Satu, Ahura Mazda daripada penjara Empayar Babilon Baru oleh Nebuchanezzar II.

Kemudian Nabi Yahya daripada Nabi Zakariya, diteruskan ajarannya dengan agama Mandaen atau Sabaen yang menyembah bintang sebagai malaikat dan digunakan sebagai tilik 4 musim untuk bercucuk tanam.

Kemudian anak saudara Nabi Zakariya iaitu Siti Maryam melahirkan Nabi

Isa, untuk meneruskan syariat kitab taurat nabi Musa yang dikumpulkan semula oleh Nabi Uzair setelah hilang terganti oleh Talmud, Tosefta dan Halakka Midrashim yang dipelopori oleh Pharisees yang kalangan orang bawah dan tengah, manakala Sadducess merupakan orang atasan dengan Torah dan Ketuvim.

Nabi Isa dan 12 pembantu menyebarkan ajaran Taurat kepada bangsa Nuh merupakan Goyyim yang bukan 12 keturunan Bani Israel tersebar empat penjuru dunia. Nabi Isa diangkat ke langit kepada ALLAH dan meramalkan kedatangan Nabi terakhir akan melengkapkan syariat ALLAH dan kedatangan Dajjal.

Kemudian Falsafah Hellenistik mempengaruhi pengikut nabi Isa dan mendoktrinkan Nabi Isa sebagai anak Tuhan dan entiti satu dalam tiga sebagai tunjak akidah mereka. Kemudian didatangan pengaku utusan terakhir, bernama Mani mendaptasikan ajaran Kristian dengan Buddha sebagai petunjuk ajarannya menjadi universal atau

menyeluruh.Romawi dengan akidah Kristian dan Parsi dengan akidah Majusi letih berperang hampir 600 tahun lebih.

ZAMAN CAHAYA TERSEBAR DUNIA WILAYAH ISLAM

Kemudian Nabi Muhammad dilahirkan dan diutuskan sebagai Nabi terakhir dengan petunjuk al-Qur'an dan apabila sampai

riwayatnya, ia menasihatkan gigit tali ALLAH dan berpegang kepada al-Qur'an dan Sunnah merupakan pegangan Ahli Sunnah wal Jama'ah atau al-Qur'an dan Itrah Ahlu Bayt merupakan pegangan Syi'ah.

ZAMAN FITNAH PERTAMA, DUNIA WILAYAH ISLAM

Nabi meramalkan bakal berlaku perpecahan umat Islam menjelang wafat dirinya.Ketika menjelang wafat RasulULLAH, Ahlu Bayt yakni Bani Hasyim umum, Bani Abbas dan Bani Abu Talib, isteri-isteri menguruskan jenazah Rasul Muhammad S.A.W

Muncul fitnah
Bani Sa'idah di Telaga Tsaqifah, Ansar

membincangkan
pemerintah mesti dilantik dua ketua seperti mana Rasul Muhammad S.A.W melantik dengan menghubungkan Muhajirin dan Ansar setiap ke pekan dan bandar menyebarkan cahaya hidayah Islam milik ALLAH S.W.T. . Hal ini terdengar oleh Muhajirin Utama oleh Sayyidina Abu Bakar R.A dan Sayyidina Umar R.A, merasa risau

sama seperti Ansar tentang ramalan RasuluLLAH S.A.Wseperti permulaan karangan di atas. Rasul Muhammad S.A.W. Sayyidina Abu Bakar R.A dan Sayyidina Umat R.A

Setelah dibarisi Khulafa Ar-Rasyidin, kerajaan Umayyah mengambil alih diketuai Muawiyyah setelah mencapai kekuasaan dari Ali melalui Majlis Tahkim,

umat Islam terpecah tiga Murji'ah, Syi'ah dan Khawarij. Kemudian timbul isu membicarakan takdir dan pilih, Jabbariyyah muncul keterpaksaan manusia dalam takdir melalui Jahm bin Safwan dan Qadariyyah muncul kebebasan manusia daripada takdir melalui Ma'bad al-Juhani.

Ahli Filsafat Islam awal, dibarisi kaum Syi'ah seperti Ibn Farabi dan Ibn Sina menterjemahkan karya Yunani dan Parsi mengadaptasikan Hellenistik dan Parsi ke dalam Islam dalam kosmologi dan teologi. Namun hal ini tidak dipersetujui oleh kelompok Kalam Mu'tazilah, kerana ia seperti membuka pintu kesesatan dan kekeliruan

memahami sifat Tuhan dan sifat makhluk. Maka mereka mengeraskan Tauhid Zat dan lalu menembak Ahli Filsafat Islam dan Kristian yang mengadaptasikan Hellenistik Yunani dalam aqidah melayurkan sifat Tuhan ke dalam makhluk.

Kristian menyatakan pendirian mereka, Nabi Isa adalah kalam Tuhan dan maka dia merupakan

sebahagian pra-keabadian Tuhan, dibantah oleh Mu'tazilah. Dan Kristian menembak semula, adakah al-Qur'an bukan kalam Tuhan dan tidak sebahagian pra-keabadian Tuhan? Mu'tazilah bersekeras, al-Qur'an adalah Kalam Tuhan yang makhluk, lalu ini menjadi permasalahan umat Islam yang berpegang Al-Qur'an

adalah Kalam Tuhan yang qadim.

Kerajaan Abbasiyyah yang muncul meranapkan Kerajaan Umayyah, khalifah Abbasiyyah yang menjadikan Mu'tazilah sebagai pegangan akidah, dan mempolisikan sesiapa yang berpegang al-Qur'an adalah Qadim, dia berpegang dengan kekufuran Kristian dan

Yunani, memperdebatkan ia dan memenjarakan sesiapa yang mempertahankannya. Kalangan Hanabilah dihentam teruk dengan pegangan literalis mereka dalam aqidah dan syariat yakni Tuhan memiliki sifat yang penyerupaan dengan makhluk namun tidak serupa. Kelompok Syiah juga antara kelompok ditekan Abbasiyyah kerana

filsafat ketuhanan dan keimaman mereka.

Kemudian Imam Abul Hassan al-Asy'ari yang menentang Mu'tazilah dan membela Hanabilah dalam hal dibangkitkan sehingga menghasilkan kelompok Kalam Asya'irah yang memiliki aqidah semi-rasional, yang mana aqal disokongkan naqal. Pentabdiran Abbasiyyah

kemudian berpihak kepada Hanabilah. Mu'tazilah pula disekat, tambahan Syi'ah, Asyai'rah dan Hanabilah kembali diamalkan.

ZAMAN KEEMASAN KEDUA DUNIA WILAYAH ISLAM

Setelah itu,Keluarga Bani Buyid merupakan pendokong Abbasiyyah mengambil alih pentadbiran kerana kawalan besar mereka, mereka beraqidah Syi'ah moderat yang berkerjasama dengan Asya'irah dan Maturidiyyah menekan Hanbilah yang begitu keras dengan pemahaman literalis mereka mengenai Sifat Tuhan. Khalifah Adud

ad-Dawla bermazhab Syi’ah Zaydiyyah menghantar Ahli Kalam yang terbaik Asyairah iaitu Imam dalam Islam ke wilayah Romawi untuk perdebatan.

Kemudian kekuasaan mereka mula melemah, Khalifah Fatimiyyah yang berakidah Syi'ah Ismai'iliyyah yang mendokong Islam Hellenistik menguasai

Afrika Utara dan Timur Tengah. Kemudian abad akhir Fatimiyyah, Empayar Seljuk yang berupa keturunan Turki mengambil alih di daerah Parsi dan Asia Tengah, yang mengembang bunga keemasan aqidah Asya'irah dan Maturidiyyah. Kosmologi Filsafat Plato berubah kepada Kosmologi Filsafat Atomik, dan meneroka alam semesta,

membuka pintu Sains Fizik seluasnya.
Ramai ilmuwan daripada luar Timur Tengah datang mempelajari dan pulang menyebarkan ke dalam wilayah mereka, yang Ilmuwan yang datang dari Kristian mengembangkan filsafat dan kalam untuk mendokong kuat pegangan mereka.

Imam Ghazali yang merupakan Guru Besar Universiti Nizamiyyah yang mematahkan pegangan Syi'ah Isma'iliyyah dan anak Muridnya, Imam Fakhruddin al-Razi mematahkan hujah Hanabilah Musyabihah. Kemudian Imam Ghazali meninggalkan universiti digantikan oleh adiknya. Beliau berenang dalam lautan Ilmu Tasawwuf

sehingga menghasilkan magnum Opusnya Ihya' Ulumuddin dan Kimiya Sa'adah yang mana Tasawwuf mula diterima masyarakat bawahan dan atasan.

ZAMAN KEJATUHAN DAN KEGELAPAN KEDUA DUNIA WILAYAH ISLAM

Kemudian tercetus Perang Salib, Fatimiyyah menemui

pengakhiran dan diganti Ayyubiyyah untuk membela Jerusalem daripada dikuasai.

Setelah umat Islam mencapai zaman keemasan di Baghdad, dikala leka dengan pentadbiran yang berpecah-belah, Empayar Mongol diketuai Genghis Khan membadai umat Islam sehingga hampir ke Jerusalem. Akidah Empayar

Genghis Khan juga menganut Tuhan yang satu berada di langit dan menyatakan dirinya sebagai Azab Tuhan kerana kelekaan mereka. Ia memecahkan wilayah kepada lima.

Namun yang kelima itu membelot dan bersama umat Islam bernama Berke Khan dan Kerajaan Mamluk menjatuhkan Khalifah

Ayyubiyyah, pula menentang kemaraan Empayar Mongol. Kerajaan Delhi muncul melindungi kemaraan Mongol ke Asia Selatan, India. Timuriyyah yang berketurunan menguasai wilayah Parsi.

ZAMAN KEEMASAN PERTENGAHAN ABAD KE LIMA BELAS

Kemudian zaman keemasan kembali dengan

perang serbuk peluru, dengan tiga Empayar, Uthmaniyyah berketurunan Turk, Safawiyyah Kurd-Turk dan Mughal berketurunan Turk-Mongol.

Safawiyyah merupakan musuh ketat Uthmaniyyah yang menghalalkan darah penganut Syi'ah lebih baik daripada 100 Kristian, memandangkan Syiah selalu berkerjasama

dengan musuh untuk melawan sesama Islam. Di zaman Uthmaniyyah, mazhab Asy'ari kelihatan semakin cenderung ke arah Filsafat dan Mu'tazilah manakala mazhab Maturidiyyah kelihatan semakin cendurung ke arah Mu''tazilah, tercetus ketegangan perdebatan antara mereka.

Mughal pula dengan zaman keemasan mereka menguasai sebahagian besar wilayah India. Tasawwuf menjadi Jambatan Islam dan Agama Dharmik seperti Jain, Hindu, dan Buddha. Akbar yang Agung, menyatukan semua ketua agama untuk berdiskusi. Kemudian Guru Nanak menuju ke Mekah mempelajari Islam dan Hindu, sehingga

terbentuknya integrasi Islam-Hindu, iaitu Sikh. Fatwa Alamgiri sebagai rujukan undang-undang dituliskan oleh Raja Aurangzeb di Wilayah Mughal.

ZAMAN PRA MODEN KOLONIALISME-IMPERIALISME

Setelah kolonialisma Kuasa Barat muncul menghambat

segala pelabuhan dan mengenakan cukai yang tinggi pada orang bawahan, dan harga rendah bagi pembeli daripada mereka, iaitu Portugis, Sepanyol, Belanda, dan British.
Baha'i daripada Syi'ah dan Qadyan dan Sunnah mula muncul dengan ideologi Imam Mahdi yang ditunggu bekerjasama dengan kuasa kolonial untuk menyebarkan ajaran mereka. Syi'ah

Isma'iliyyah yang berakar daripada Khalifah Fatimiyyah juga turut ambil peluang. Wahhabiyyah juga muncul dari induk Hanabilah yang menguasai Tanah Arab

Kemudian mereka berubah daripada kolonialisma kepada imperialisma untuk menjajah segala wilayah berkuasa penuh wilayah

seluruh dunia. Kemudian mencetus Perang Dunia Pertama di Eropah untuk merebut monopoli ekonomi dunia. Revolusi Perkilangan, munculkan mesin dan pengangkutan mudah, sekaligus era baru, senjata perang, laut, darat dan langit.

Akhir sekali, Perang Dunia Kedua tercetus di Seluruh Dunia, Pakatan Paksi yang

Fasis dan Pakatan Kerjasama antara Kapitalis dan Komunis berperangan. Fasis menemui penamat. Jepun dijatuhkan dua bom nuklir yang berasaskan Fizik Atomik.

AL-AZHAR, AL- MADINAH DAN AL-MUSTAFA RUJUKAN FILSAFAT DAN KALAM UMAT ISLAM DI ZAMAN PASCA MODEN TERBINA DARIPADA

SEJARAHNYA YANG UNIK

Al-Azhar dan Al-Qarawiyyin menjadi rujukan Utama kesatuan Asy'ari-Maturidi, Hijaz menjadi rujukan Hanabilah, Tehran,Qom dan Najaf menjadi rujukan Syi'ah. Yang masing-masing mengkontributasi ilmu kalam dan filsafat terus relevan dalam zaman kini

yang akan diharmonikan ilmu sains dan politik.

KESIMPULAN

ALLAH S.W.T senantiasa mengawasi dan mengawal Agama Islam daripada kerosakan melalui warisan Rasul Muhammad S.A.W iaitu Para ‘Ulama, melangkaui batas mazhab dan memberi kemudahan pada umat untuk beramal.